



PELAN TINDAKAN
**WANITA DALAM
SUKAN**

2021 - 2025

KE ARAH MEMPERKASA
WANITA DALAM SUKAN



Cetakan Pertama 2021
Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

Hak cipta terpelihara, tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan segala alat, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.

Diterbitkan oleh :

Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

Menara KBS, No.27 Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62570 Putrajaya.

Tel : 03-8871 3000 Faks : 03-8888 8763 Laman Web : www.kbs.gov.my



KANDUNGAN

PERUTUSAN

Menteri Belia dan Sukan	04
Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan	06

RINGKASAN EKSEKUTIF

..... 08

PENGENALAN

..... 11

LATAR BELAKANG

Hala Tuju Pemerkasaan Wanita	12
Dasar dan Perundangan	14

SENARIO PERSEKITARAN

..... 16

ISU DAN CABARAN

Perjalanan Sesi Libat Urus	20
Isu/Cabaran	21
Cadangan Penambahbaikan	21

OBJEKTIF

..... 24

SASARAN

..... 25

KERANGKA STRATEGIK

..... 26

Teras 1:

Dasar dan Perundangan

28

Teras 2:

Pembangunan dan Infrastruktur

30

Teras 3:

Penyertaan dan Penglibatan

34

Teras 4:

Penyelidikan dan Pembangunan ...

38

Teras 5:

Promosi dan Advokasi

42

KESIMPULAN

..... 46



PERUTUSAN

MENTERI BELIA DAN SUKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Kementerian Belia dan Sukan telah berjaya menghasilkan sebuah dokumen Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2021-2025.

Pelan tindakan ini mengandungi hala tuju dan aspirasi Kementerian Belia dan Sukan dalam mengorak langkah ke arah meningkatkan penglibatan dan penyertaan wanita dalam sukan selari dengan dasar kerajaan untuk memperkasa golongan wanita dalam pelbagai bidang.

Meningkat tahun, landskap sukan telah memperlihatkan perubahan yang ketara, sama ada di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Golongan wanita telah ramai menonjolkan minat dan bakat dalam sukan, lebih-lebih lagi dengan pencapaian beberapa atlet wanita negara yang cukup memberangsangkan. Sukan-sukan yang dahulunya didominasi dan hanya dimainkan oleh kaum lelaki pula telah mula menarik minat dan mendapat perhatian ramai wanita.

Justeru, tahun ini menjadi keutamaan bagi Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk memberi fokus kepada pemerksaan wanita dalam sukan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memberi peluang, ruang dan sokongan kepada wanita merentas pelbagai peringkat umur, agama dan bangsa untuk terlibat aktif dalam sukan.

Pembabitan wanita dalam sukan harus sentiasa diberi sokongan dan dipertingkatkan lagi demi mencipta lebih banyak kejayaan dan saya percaya bahawa potensi kaum wanita dalam sukan adalah sangat luas.

Saya amat mengharapkan agar pelaksanaan pelan tindakan ini dapat direalisasikan oleh semua pihak, baik yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan manfaatnya dapat dikecapi oleh semua lapisan masyarakat.

DATO' SERI
AHMAD FAIZAL
BIN DATO' AZUMU



PERUTUSAN

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2021-2025 merupakan inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam memastikan pembangunan sukan yang lebih inklusif serta menyediakan nilai tambah kepada Dasar Wanita Negara yang menyasarkan peningkatan kompetensi golongan wanita sebagai penyumbang utama kepada pembangunan negara.

KBS sentiasa memberi komitmen yang tinggi untuk memastikan setiap lapisan masyarakat tidak mengira kaum, umur, agama dan gender diberi peluang yang sama rata untuk terlibat dalam aktiviti sukan. Jika dilihat dari sudut mata kasar, penglibatan wanita dalam sukan di Malaysia adalah masih rendah lebih-lebih lagi dalam bidang pengurusan dan kepimpinan organisasi sukan. Faktor dan punca penghalang perlu sentiasa diberi perhatian dan diatasi bagi memastikan sokongan sewajarnya diberikan kepada wanita untuk terus menyumbang kepada pembangunan sukan.

Lantaran itu, dokumen Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan yang dibangunkan oleh KBS ini menggariskan hala tuju pemerkasaan wanita dalam sukan berasaskan aspek-aspek utama iaitu dasar dan perundangan, pembangunan dan infrastruktur, penyertaan dan penglibatan, penyelidikan dan pembangunan serta promosi dan advokasi. Dokumen ini akan menjadi kayu pengukur kepada pelaksanaan program-program khusus berkaitan wanita dalam sukan untuk tempoh 5 tahun akan datang bermula tahun 2021 hingga 2025.

Adalah menjadi keutamaan KBS untuk memastikan penambahbaikan dan pemantapan berterusan terhadap Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan ini dari semasa ke semasa bagi menjamin keberkesanan dan impak jangka panjang terhadap pembangunan wanita dalam sukan di Malaysia. Saya berharap agar semua pihak dapat memberi kerjasama dan komitmen dalam memastikan pelan tindakan ini dilaksanakan secara berkesan dan impaknya dapat dikecapi bersama.

**DATUK
M NOOR AZMAN
BIN TAIB**



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2021-2025 merupakan satu hala tuju baharu Kementerian Belia dan Sukan dalam memacu pembangunan sukan yang lebih seimbang dan inklusif. Pelan tindakan ini disediakan bagi memandu arah pembangunan wanita dalam sukan selaras dengan hala tuju pemerkasaan wanita di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kejayaan demi kejayaan yang dilakar oleh atlet wanita di persada antarabangsa telah menjadi satu kebanggaan buat negara. Walau bagaimanapun, status penglibatan wanita dalam sukan secara keseluruhan adalah masih rendah khususnya kepimpinan dalam badan sukan, kejurulatihan dan kepegawaian sukan.

Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia tahun 2020 turut merekodkan bahawa skor indeks budaya sukan dalam kalangan wanita adalah lebih rendah berbanding lelaki.

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2021-2025 menggariskan 5 teras, 8 objektif, 19 strategi dan 45 inisiatif yang dibentuk berdasarkan analisis isu-isu semasa dan konsultasi bersama pemegang taruh daripada pelbagai latar belakang bagi merealisasi hasrat meningkatkan penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan secara lebih berkesan melalui pembentukan sebuah ekosistem sukan yang seimbang dan lebih mesra wanita.



Lapan objektif yang menjadi keutamaan adalah merangkumi penambahbaikan terhadap dasar dan perundangan sukan, sistem pembangunan atlet, jurulatih, pegawai dan pentadbir sukan, fasiliti sukan mesra wanita, penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan, pembangunan bakat akar umbi, pengumpulan sumber rujukan, pengaplikasian teknologi dan inovasi dan program kesedaran masyarakat. Semua objektif yang digariskan menyasarkan kepada tiga pencapaian utama:

- i. Peningkatan peratusan wanita dalam kejurulatihan dan kepegawaian sukan;
- ii. Peningkatan skor indeks budaya sukan dalam kalangan wanita; dan
- iii. Peningkatan peratusan wanita dalam kepimpinan badan sukan.

Kejayaan pelaksanaan pelan tindakan ini akan memerlukan kesepaduan dan sokongan pelbagai agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pertubuhan sukan, sektor swasta dan semua penggiat sukan. Ia akan menjadi satu dokumen rujukan pelbagai pihak dalam merancang pembangunan sukan khusus untuk wanita ke arah mencapai sasaran yang dihasratkan.

PELAN TINDAKAN WANITA DALAM SUKAN

Merupakan satu dokumen komprehensif yang menggariskan objektif, strategi dan inisiatif yang terancang ke arah memperkasa penglibatan dan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang sukan bagi mencapai pembangunan sukan negara yang lebih inklusif dan seimbang.

PENGENALAN

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2021-2025 merupakan satu dokumen komprehensif yang menggariskan objektif, strategi dan inisiatif khusus bagi meningkatkan penyertaan dan penglibatan wanita dalam pelbagai bidang sukan ke arah memperkasa peranan wanita dalam pembangunan sukan negara. Pelan ini telah disediakan berpandukan kepada matlamat Dasar Sukan Negara dan Dasar Wanita Negara serta selaras dengan hala tuju kerajaan dalam memperkasa peranan wanita dalam pembangunan negara secara menyeluruh.

Usaha memperkasa wanita dalam sukan telah menjadi agenda utama di peringkat antarabangsa selaras dengan salah satu matlamat *Sustainable Development Goals 2030, United Nations* yang menekankan kesaksamaan jantina bagi penyertaan dalam aktiviti sukan. Agenda tersebut turut menjadi keutamaan di peringkat *International Olympic Committee (IOC)* melalui *Olympic Agenda 2020* dengan penetapan sasaran sebanyak 50%

penyertaan wanita di Sukan Olimpik Tokyo, 2020. Usaha tersebut adalah selaras dengan saranan untuk menyediakan dan memberi peluang yang sama rata kepada wanita untuk terlibat dalam aktiviti sukan tanpa sebarang diskriminasi.

Di Malaysia, status penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan secara umumnya adalah masih rendah. Justeru, pelbagai inisiatif dan usaha perlu dipergiatkan bagi meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang komited dalam membangunkan wanita dalam sukan. Pelan tindakan ini akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan utama kepada semua pihak khususnya pemegang taruh sukan yang terdiri daripada agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan sukan, badan bukan kerajaan, atlet, jurulatih, pegawai sukan dan penggiat sukan secara keseluruhan dalam merencana hala tuju dan inisiatif bagi meningkatkan penglibatan dan penyertaan wanita dalam sukan secara sistematik, ber sasaran dan inklusif.

LATAR BELAKANG

HALA TUJU PEMERKASAAN WANITA

Usaha memperkasakan wanita dalam pembangunan negara telah mula dizahirkan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RMKe-6) selaras dengan penggubalan Dasar Wanita Negara yang antara lain menyasarkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh dan guna tenaga profesional. Usaha ini terus kekal sebagai agenda utama kerajaan sebagaimana terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang menyasarkan peningkatan dalam penyertaan tenaga buruh wanita menjelang tahun 2020. Sasaran tersebut diperkukuhkan dengan komitmen kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar yang menggalakkan penglibatan wanita di peringkat pengurusan dan pembuat keputusan sektor awam dan swasta pada kadar sekurang-kurangnya 30% dalam usaha meningkatkan peranan wanita terhadap merencana pembangunan negara.

Mendukung aspirasi yang sama, kerajaan telah memperkenalkan dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang merupakan satu pendekatan baharu kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mapan, adil dan saksama. Prinsip keterangkuman yang berfokus kepada penglibatan kumpulan terpinggir dan keciciran termasuk golongan wanita dalam peluang ekonomi dan pembangunan negara menjadi agenda utama kerajaan. Hasrat ini secara umumnya adalah untuk memastikan pembangunan ekonomi yang lebih terangkum serta menjadikan persekitaran pasaran buruh di Malaysia bebas daripada sebarang diskriminasi ke atas umur, jantina, etnik dan agama ke arah kestabilan ekonomi dan kesejahteraan hidup setiap lapisan masyarakat.

Tidak dinafikan bahawa peranan wanita dalam konteks masyarakat masa kini telah melalui satu anjakan paradigma. Wanita kini dilihat sebagai salah satu penyumbang utama dan aset bernilai dalam mencorak pembangunan negara yang lebih seimbang. Penggubalan dasar dan hala tuju baharu kerajaan perlu sentiasa berteraskan kepada prinsip inklusiviti dan kesaksamaan kepada rakyat.

Pembangunan sukan negara akan melalui satu transformasi dalam tempoh lima tahun akan datang selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Penekanan yang tinggi akan diberikan kepada pembangunan wanita dalam sukan sejajar dengan aspirasi kerajaan mengutamakan pembangunan yang lebih inklusif. Penggubalan dasar dan pelaksanaan program-program khusus untuk wanita akan dipergiatkan bagi meningkatkan penglibatan dan penyertaan wanita dari pelbagai latar belakang dan peringkat umur termasuk status fizikal, ekonomi dan sosial yang berbeza. Penyediaan ekosistem sukan yang kondusif untuk wanita juga akan turut diperkembangkan bagi menarik minat dan menggalakkan penyertaan lebih ramai wanita dalam pelbagai bidang sukan.



DASAR DAN PERUNDANGAN

Konteks

MALAYSIA

DASAR SUKAN NEGARA:

Dasar Sukan Negara merupakan dasar pembangunan sukan ke arah pembentukan budaya sukan dan pementapan integrasi nasional menerusi penglibatan masyarakat secara menyeluruh dan pencapaian kecemerlangan di peringkat antarabangsa.

Antara matlamat Dasar Sukan Negara adalah untuk memberikan hak yang sama rata dan memastikan tiada unsur diskriminasi kepada setiap lapisan masyarakat.

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN 1997

Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] telah menetapkan supaya badan-badan sukan melaksanakan aktiviti sukan masing-masing tanpa ada diskriminasi tentang jantina, ras, warna kulit, agama, asal usul, bahasa, kecenderungan politik atau apa-apa pandangan lain yang dipegang oleh anggotanya. Dalam hal ini, badan-badan sukan perlu memberi penekanan terhadap penglibatan wanita dalam sukan setara dengan penglibatan lelaki dan program-program pembangunan sukan yang dilaksanakan hendaklah bersifat inklusif.


Konteks

ANTARABANGSA



TITLE IX - EDUCATION AMENDMENTS 1972 (USA)

No person in the United States shall, on the basis of sex, be excluded from participation in, be denied the benefits of, or be subjected to discrimination under any education program or activity receiving Federal financial assistance



OLYMPIC CHARTER

To encourage and support the promotion of women in sport at all levels and in all structures, with a view to implementing the principle of equality of men and women



BRIGHTON PLUS HELSINKI 2014 DECLARATION

Upholding the 10 principles that enable women and girls to freely and safely participate, compete and build careers in sport and physical activity



ASEAN MINISTERIAL MEETING ON SPORTS 2017

Encourage gender mainstreaming and equal participation and opportunities for women in sports



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS 2030

To protect human rights and promote gender equality and the empowerment of women and girls



KAZAN ACTION PLAN 2017

Sport values education have made important contributions to the empowerment of women and girls

SENARIO PERSEKITARAN

Pencapaian atlet wanita negara telah berada di landasan yang memberangsangkan dengan pencapaian-pencapaian membanggakan di persada antarabangsa. Beberapa nama seperti Datuk Nicol Ann David, Pandelega Rinong Pamg dan Farah Ann Abdul Hadi sudah tidak asing lagi di Malaysia malah di peringkat antarabangsa dengan pencapaian cemerlang dalam sukan-sukan yang diceburi.

Mengimbas kembali pencapaian atlet wanita 20 tahun yang lalu, hanya 3 orang (8%) atlet wanita yang berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik. Walau bagaimanapun, Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun telah menyaksikan kontinjen Malaysia dibarisi oleh lebih separuh atlet wanita. Pencapaian atlet wanita di Sukan Komanwel 2018, Gold Coast, Australia turut menjadi kebanggaan apabila wanita menjadi penyumbang utama pungutan pingat kepada negara.

Namun begitu, di sebalik kejayaan-kejayaan yang membanggakan oleh atlet wanita negara dalam sukan berprestasi tinggi, penglibatan wanita dalam sukan di Malaysia secara keseluruhannya adalah masih rendah. Kajian Indeks Budaya


Sukan Malaysia Tahun 2020 mendapati bahawa skor indeks budaya sukan dalam kalangan wanita adalah lebih rendah iaitu 52.8 berbanding lelaki dengan skor 60.1. Manakala, penyertaan wanita sebagai jurulatih dan pegawai teknikal juga mencatatkan peratusan yang rendah iaitu masing-masing sebanyak 10% dan 25%. Hal ini disebabkan oleh pelbagai faktor yang menghalang wanita untuk terlibat dalam sukan dan perkara ini perlu ditangani sebaik mungkin dalam usaha meningkatkan penglibatan lebih ramai wanita dalam sukan di samping melakar lebih banyak kejayaan di peringkat antarabangsa.




Pencapaian atlet wanita negara telah berada di landasan yang memberangsangkan dengan pencapaian-pencapaian membanggakan di persada antarabangsa.

STATISTIK PENGLIBATAN WANITA DALAM SUKAN


Statistik Atlet Wanita Layak ke Sukan Olimpik



Statistik Sumbangan Pingat Atlet Wanita di Sukan Komanwel



SKOR INDEKS BUDAYA SUKAN MALAYSIA 2020



Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

KEPIMPINAN SUKAN

12%

Hanya 12% jawatan tertinggi badan sukan disandang oleh wanita

Sumber: Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PJS)

KEJURULATIHAN SUKAN

10%

Daripada 192 jurulatih di bawah program Majlis Sukan Negara, hanya 24 jurulatih terdiri daripada wanita.

Sumber: Majlis Sukan Negara (MSN)

KEPEGAWAIAN SUKAN

25%

Hanya 25% Pegawai Teknikal bertauliah peringkat kebangsaan dan antarabangsa terdiri daripada wanita


Sumber: Majlis Sukan Negara (MSN)



ISU DAN CABARAN

PERJALANAN SESI LIBAT URUS

Terdapat pelbagai faktor yang membataskan penglibatan wanita dalam sukan yang mana faktor-faktor ini berkait rapat dengan budaya, gaya hidup dan pandangan umum masyarakat di Malaysia. Faktor yang menjadi isu dan cabaran utama penglibatan wanita dalam sukan telah dikenal pasti melalui pelbagai sesi libat urus bersama pemegang taruh sukan khususnya dan golongan wanita amnya. Cadangan penambahbaikan daripada pemegang taruh telah dikumpul dan dianalisis bagi memastikan aspirasi pemegang taruh menjadi keutamaan untuk membentuk sebuah pelan tindakan yang komprehensif.



ISU/CABARAN

Antara isu dan cabaran utama yang dibangkitkan semasa libat urus adalah:

PERSEPSI DAN MENTALITI

- ❑ Peranan wanita dalam institusi kekeluargaan untuk menjaga anak dan hal-hal rumah tangga menyebabkan wanita tiada masa untuk bersukan
- ❑ Bersukan hanya untuk lelaki

SISTEM PENDIDIKAN

- ❑ Pendidikan jasmani perlu memberi lebih penekanan dan tumpuan terhadap sukan-sukan yang mampu menarik minat pelajar wanita
- ❑ Kekurangan fasiliti dan peralatan sukan

KEPIMPINAN

- ❑ Majoriti jawatan penting dalam badan sukan didominasi oleh golongan lelaki
- ❑ Komitmen dan tumpuan wanita terhadap keluarga khususnya para ibu lebih tinggi berbanding lelaki
- ❑ Cuti bersalin sering dijadikan alasan sebagai kekangan kepada golongan wanita untuk memberikan komitmen dan tumpuan secara berterusan

PENYERTAAN AKAR UMBI

- ❑ *Men-stereotyped sports* masih kurang didedahkan kepada wanita
- ❑ Kurang program galakan di peringkat akar umbi untuk wanita termasuk wanita OKU

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

KEWANGAN

- ❑ Peruntukan khusus untuk program sukan wanita
- ❑ Penyaluran peruntukan yang seimbang bagi sukan lelaki dan wanita

KEPIMPINAN

- ❑ Penetapan sasaran wanita memegang jawatan tertinggi dalam badan sukan melalui penggubalan perlembagaan
- ❑ Memperbanyakkan kursus kepimpinan untuk wanita di pelbagai peringkat

FASILITI

- ❑ Fasiliti sukan mesra wanita termasuk OKU
- ❑ Memperbanyakkan sesi penggunaan kemudahan untuk wanita melalui penjadualan penggunaan fasiliti
- ❑ Pewujudan taska di fasiliti sukan

PROMOSI DAN MEDIA

- ❑ Kejayaan wanita kurang mendapat liputan (*airtime*) di media berbanding lelaki
- ❑ Program sukan wanita sukar mendapat penajaan

JURULATIH DAN PEGAWAI SUKAN

- ❑ Kurang jurulatih wanita
- ❑ Tiada jaminan kerjaya
- ❑ Gaji jurulatih tempatan tidak setimpal berbanding jurulatih asing

FASILITI

- ❑ Wanita kurang selesa untuk melakukan aktiviti dengan kehadiran lelaki
- ❑ Kurang fasiliti yang selamat dan mesra OKU
- ❑ Persekitaran fasiliti sukan tidak selamat untuk kaum wanita
- ❑ Sesi latihan lazimnya didominasi oleh golongan lelaki

KEWANGAN

- ❑ Kekangan peruntukan untuk merancang program sukan wanita
- ❑ Peruntukan sedia ada tertumpu kepada program-program sukan prestasi tinggi yang boleh menyumbang pingat di kejohanan/temasya sukan

PENYERTAAN AKAR UMBI

- ❑ Memperkemas silibus dan pendedahan aktiviti sukan di sekolah
- ❑ Memperbanyakkan kejohanan/pertandingan untuk wanita di peringkat akar umbi

JURULATIH DAN PEGAWAI SUKAN

- ❑ Jaminan kerjaya sebagai jurulatih/pegawai sukan
- ❑ Memperbanyakkan kursus kejurulatihan/kepegawaian sukan untuk wanita

PROMOSI DAN MEDIA

- ❑ Lebih banyak pencapaian wanita dipromosikan
- ❑ Slot sukan khusus untuk wanita di kaca media




OBJEKTIF

Lapan objektif telah digariskan di bawah Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2021-2025 merangkumi pelbagai aspek termasuk dasar dan perundangan, pembangunan atlet, jurulatih, pegawai dan pentadbir sukan, penyediaan fasiliti, pembangunan bakat, pengaplikasian teknologi dan inovasi, pengumpulan sumber rujukan serta meningkatkan kesedaran masyarakat. Semua objektif yang digariskan adalah selari dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah ekosistem dan persekitaran sukan yang selamat dan menyokong penglibatan wanita dalam sukan.



SASARAN


Pelaksanaan Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan 2021-2025 menyasarkan kepada tiga pencapaian utama seperti berikut:



KERANGKA STRATEGIK

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan mengandungi lima teras utama yang memberi fokus kepada aspek Dasar dan Perundangan, Pembangunan dan Infrastruktur, Penyertaan dan Penglibatan, Penyelidikan dan Pembangunan serta Promosi dan Advokasi.

Lima teras ini diwujudkan berdasarkan kepada keperluan utama yang telah dikenal pasti dalam membentuk sebuah ekosistem sukan yang kondusif di Malaysia bagi meningkatkan penglibatan dan penyertaan wanita dalam sukan secara menyeluruh.



DASAR DAN PERUNDANGAN

TERAS

1

Inisiatif untuk menambah baik dasar dan perundangan mengenai wanita dalam sukan

Usaha memperkukuhkan dan meningkatkan penglibatan wanita dalam sukan adalah selaras dengan agenda Dasar Sukan Negara dan Dasar Wanita Negara. Usaha yang sama turut dipergiatkan di peringkat antarabangsa melalui pengenalan agenda pembangunan yang memfokuskan kepada kesaksamaan jantina khususnya di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).

Matlamat Pembangunan Lestari 2030 *Sustainable Development Goals* (SDG 2030) di bawah PBB meletakkan sasaran untuk mencapai agenda kesaksamaan jantina menjelang tahun 2030 yang mana sukan turut disenaraikan sebagai salah satu medium utama dalam membangun serta memperkasa peranan wanita. IOC turut menubuhkan *Women in Sports Commission* khusus untuk merancang serta melaksanakan strategi pemerksaan wanita dalam sukan di pelbagai peringkat

dengan objektif untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam sukan berprestasi tinggi dan kepimpinan badan sukan, memperkasa penjagaan hal ehwal dan kebajikan wanita, membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk wanita terlibat aktif dalam sukan serta mengiktiraf peranan dan penglibatan wanita dalam sukan secara menyeluruh.

Mendukung agenda yang sama, Kementerian akan memperkukuh usaha ke arah memperkasa wanita dalam sukan melalui penggubalan polisi, dasar serta garis panduan yang memberi ruang dan peluang kepada wanita untuk mencapai potensi mereka, mengiktiraf sumbangan wanita dalam pembangunan sukan serta menyediakan ekosistem sukan yang menyokong dan menggalakkan penglibatan wanita secara aktif. Usaha ini termasuklah memastikan persekitaran sukan negara yang selamat, mesra wanita dan bebas daripada sebarang diskriminasi ke atas jantina.

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 1: Menambah baik dasar dan sokongan perundangan					
1.1	Membangunkan pelan tindakan yang komprehensif dan inklusif.	1.1.1 Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan	Satu dokumen komprehensif yang menggariskan tindakan/ perancangan pembangunan wanita dalam sukan.	Pelaksanaan pembangunan wanita dalam sukan yang terancang.	• KBS
1.2	Mewujudkan badan yang menyelaras, memantau dan menetapkan hala tuju strategik untuk pembangunan wanita dalam sukan.	1.2.1 Jawatankuasa Wanita Dalam Sukan	Suatu jawatankuasa khas yang diwujudkan untuk menyelaras, memantau dan menetapkan hala tuju strategik bagi pembangunan wanita dalam sukan.	Pembangunan wanita dalam sukan yang lebih inklusif, komprehensif dan terancang.	• KBS • MSN
1.3	Menggalakkan badan sukan meminda/ mengemaskini perlembagaan masing-masing supaya mesra wanita.	1.3.1 Garis panduan penyediaan perlembagaan badan sukan mesra wanita	Satu garis panduan yang komprehensif bagi memastikan semua badan sukan menyediakan persekitaran yang selamat dan bebas daripada sebarang diskriminasi ke atas gender dalam semua aktiviti yang dijalankan.	Lebih ramai wanita dilibatkan dalam pentadbiran dan aktiviti yang dijalankan.	• PJS • Badan Sukan
		1.3.2 Seminar Wanita Dalam Sukan	Seminar yang mengupas isu-isu berkaitan wanita dalam kepimpinan/tadbir urus dalam badan sukan.	Peluang yang lebih luas untuk wanita menerajui badan sukan.	• i-LEAD



PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR

TERAS 2

Inisiatif untuk menyediakan ekosistem sukan yang kondusif serta sistem sokongan yang menggalakkan pembangunan atlet, jurulatih dan pegawai sukan wanita.

Tumpuan kepada pembangunan wanita sebagai atlet, jurulatih, pegawai sukan, pentadbir sukan dan penggiat industri sukan termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) secara amnya perlu dibentuk dari peringkat akar umbi bagi menyediakan laluan sukan yang saling menyokong antara satu sama lain. Jaringan ini membentuk ekosistem sukan yang kondusif dan menjadi antara elemen utama yang menggalakkan penglibatan wanita dalam sukan.

Teras pembangunan dan infrastruktur memberi fokus kepada penyediaan sistem sokongan, insentif dan galakan untuk golongan wanita bergiat aktif dalam pelbagai bidang sukan. Inisiatif-inisiatif

yang digariskan di bawah teras ini meliputi pelbagai program khusus untuk wanita bermula dengan pembangunan atlet dari peringkat akar umbi secara berstruktur; pembangunan jurulatih dan pegawai sukan; pemeraksanaan wanita dalam kepimpinan dan pentadbiran badan sukan; dan penyediaan fasiliti dan kemudahan sukan mesra wanita.

Adalah menjadi harapan agar inisiatif-inisiatif di bawah teras ini berupaya membentuk lebih ramai wanita berwibawa dan kompeten untuk menggalas cabaran negara di peringkat antarabangsa menjelang tahun 2025.

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 2: Meningkatkan bilangan atlet, jurulatih, pegawai teknikal dan pentadbir sukan wanita					
2.1	Melaksanakan sistem pembangunan atlet secara berterusan.	2.1.1 Program Pembangunan Bakat	Program pembangunan bakat di seluruh negara bagi sukan-sukan terpilih dengan kerjasama KPM, Majlis Sukan Negeri, Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan.	<ol style="list-style-type: none"> Lebih ramai bakat wanita di peringkat akar umbi dicungkil. Bilangan atlet pelapis wanita dapat ditingkatkan. 	<ul style="list-style-type: none"> MSN ISN KPM MS Negeri, Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan
		2.1.2 Pusat Latihan di Peringkat Daerah dan Negeri	Pusat latihan yang bersesuaian bagi sukan-sukan terpilih untuk pembangunan atlet akar umbi.	Menghasilkan atlet yang lebih kompetitif dan berpengalaman.	<ul style="list-style-type: none"> MSN KPM MS Negeri Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan
		2.1.3 Penganjuran Pertandingan/ Kejohanan Sukan Wanita	Penganjuran pertandingan /kejohanan sukan khusus untuk wanita bagi sukan-sukan terpilih.	Lebih banyak peluang pertandingan untuk atlet wanita peringkat akar umbi.	<ul style="list-style-type: none"> MSN MS Negeri Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 2: Meningkatkan bilangan atlet, jurulatih, pegawai teknikal dan pentadbir sukan wanita					
2.2	Memperkuhkan sistem pembangunan jurulatih wanita.	2.2.1 Program Kejurulatihan Kebangsaan	Penetapan sasaran wanita dalam Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) di bawah Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK).	Lebih ramai jurulatih wanita yang terlatih dan berpengalaman.	<ul style="list-style-type: none"> • ISN • MSN • MS Negeri • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan
		2.2.2 Program Kejurulatihan Bersepadu	Kolaborasi bersama KPM, KPT dan Persatuan Sukan Kebangsaan untuk meningkatkan bilangan jurulatih wanita yang bertauliah.	Lebih ramai jurulatih wanita bertauliah dalam kalangan guru dan para pendidik.	<ul style="list-style-type: none"> • ISN • MSN • KPM • KPT • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan
2.3	Memperkuhkan sistem pembangunan pegawai dan pentadbir sukan wanita.	2.3.1 Program Kepegawaian Teknikal Sukan	Penetapan sasaran penglibatan wanita dalam Kursus Kepegawaian Teknikal dan Program Naiktaraf Kepegawaian Teknikal Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.	Lebih ramai pegawai teknikal wanita yang bertauliah.	<ul style="list-style-type: none"> • MSN • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan
		2.3.2 Program Pengurusan Sukan	Program berbentuk bengkel bagi meningkatkan kompetensi wanita dalam pengurusan sukan.	Peluang bagi wanita untuk mendalami ilmu pengurusan sukan.	<ul style="list-style-type: none"> • PJS • MSN • MOM/MPM • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan
		2.3.3 Kursus Pengurusan Sukan Kebangsaan	Kursus berkaitan kepimpinan, pengendalian dan tadbir urus badan sukan wanita yang profesional, kompeten dan berdaya saing.	Peluang yang lebih luas untuk wanita menerajui badan sukan.	<ul style="list-style-type: none"> • PJS • MSN • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 2: Meningkatkan bilangan atlet, jurulatih, pegawai teknikal dan pentadbir sukan wanita					
2.4	Memperkuhkan kemahiran kepimpinan wanita dalam sukan.	2.4.1 Program Pembangunan Kepimpinan Wanita	Program untuk menggilap bakat kepimpinan wanita dalam urus tadbir badan sukan.	Tahap profesionalisme wanita dalam kepimpinan sukan semakin meningkat.	<ul style="list-style-type: none"> • MSN • MOM/MPM • PJS • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan • MS Negeri
2.5	Meningkatkan kerjasama badan korporat untuk menaja program-program wanita dalam sukan.	2.5.1 Program Kolaborasi Bersama Badan Korporat	Program menggalakkan penajaan badan korporat bagi program pembangunan sukan wanita.	Lebih banyak badan korporat terlibat dalam menaja program wanita dalam sukan.	<ul style="list-style-type: none"> • MSN • MS Negeri • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan
OBJEKTIF 3: Menambah baik fasiliti bagi menggalakkan penglibatan wanita dalam sukan					
3.1	Memastikan kemudahan dan infrastruktur sukan mesra wanita termasuk golongan OKU.	3.1.1 Program Galakan Penggunaan Kemudahan/ Fasiliti Sukan dengan Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Program khas untuk wanita menggunakan fasiliti sukan melalui kaedah kolaborasi bersama PBT.	Penggunaan fasiliti/ kemudahan sukan dalam kalangan wanita semakin meningkat.	<ul style="list-style-type: none"> • MSN • JBSN • MS Negeri • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan • Pihak Berkuasa Tempatan

PENYERTAAN DAN PENGLIBATAN

TERAS 3

Inisiatif untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan aktif wanita dalam aktiviti sukan di pelbagai peringkat.

Pembudayaan sukan sebagai gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan rakyat Malaysia merupakan matlamat utama yang digariskan dalam Dasar Sukan Negara. Penyertaan dan penglibatan sukan dalam kalangan wanita merupakan antara faktor utama bagi mencapai matlamat tersebut, merangkumi penyertaan dalam aktiviti sukan di peringkat akar umbi mahupun dalam sukan berprestasi tinggi.

Wanita hari ini memainkan peranan penting dalam pembangunan sukan negara. Oleh yang demikian, setiap perancangan program perlulah mengikut konsep yang bersesuaian bagi memastikan penyertaan dan penglibatan wanita dari pelbagai peringkat umur, keupayaan, status

fizikal, latar belakang dan keluarga dapat dilibatkan supaya mereka terus bergiat aktif dalam sukan.

Teras penyertaan dan penglibatan ini memfokuskan kepada pelaksanaan program-program berbentuk kecergasan, pembangunan bakat dan riadah termasuk memperkenalkan sukan-sukan baharu dan pembudayaan sukan tradisional. Perancangan dan pelaksanaan program di bawah teras ini adalah menyeluruh dan berkonsepkan jangka masa panjang. Ini adalah untuk memastikan penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan kekal aktif melalui penyediaan lebih banyak peluang dan ruang di pelbagai peringkat.

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 4: Meningkatkan penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan					
4.1	Mempromosikan gaya hidup cergas, sihat dan aktif dalam kalangan wanita dengan menjadikan sukan sebagai gaya hidup.	4.1.1 Mega <i>Aerobic Challenge</i>	Program berbentuk ketahanan yang dilaksanakan secara berterusan bagi tempoh 12 jam merangkumi pelbagai variasi aerobik seperti <i>body combat</i> , <i>body pump</i> , <i>body jam</i> , <i>body attack</i> , zumba dan lain-lain.	<ol style="list-style-type: none"> Lebih ramai wanita berpeluang menyertai aktiviti kecergasan. Penggunaan kemudahan sukan di bawah KBS yang lebih tinggi. Lebih ramai wanita menjadikan sukan sebagai gaya hidup sihat. Lebih ramai wanita didedahkan dengan variasi aerobik. 	<ul style="list-style-type: none"> JBSN KPWKM KKM KPM KPT NGO
		4.1.2 Program Kecergasan Wanita	Aerobik/ <i>aerodance</i> khusus untuk wanita yang dilaksanakan secara kerap di Gimnasium Rakyat/ kemudahan sukan KBS.	Penggunaan kemudahan sukan di bawah KBS yang lebih tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> JBSN KPWKM KKM KPM KPT NGO
		4.1.3 Program Kecergasan Warga Emas	Program berbentuk senaman dan kecergasan untuk warga emas yang melibatkan beberapa variasi senaman seperti senaman kerusi.	Lebih ramai wanita warga emas berpeluang menjalani gaya hidup sihat melalui aktiviti senaman.	<ul style="list-style-type: none"> Sektor Awam Sektor Swasta
		4.1.4 Program Kecergasan OKU	Program & aktiviti sukan mengikut kesesuaian dan sosio-budaya masyarakat OKU.	Lebih ramai golongan OKU wanita terlibat aktif di dalam aktiviti sukan dan kecergasan di peringkat akar umbi.	<ul style="list-style-type: none"> Sektor Awam Sektor Swasta

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 4: Meningkatkan penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan					
		4.1.5 Program Pendidikan dan Gaya Hidup Aktif	Program pendidikan kecergasan untuk suri rumah dan wanita berkerjaya yang meliputi pelbagai komponen seperti ceramah, ujian kecergasan dan pemeriksaan kesihatan.	Lebih ramai suri rumah dan wanita berkerjaya didedahkan dengan ilmu berkaitan amalan gaya hidup aktif dan sihat serta mengamalkan aktiviti sukan.	<ul style="list-style-type: none"> Sektor Awam Sektor Swasta
		4.1.6 Program Riadah Bersama Keluarga	Program berbentuk riadah bersama keluarga dan anak-anak bagi mengisi masa lapang seperti <i>fun walk, cycling, stroller run</i> , dan aktiviti rekreasi. Jenis aktiviti adalah tertakluk kepada kesesuaian dan sosio-budaya masyarakat setempat. Program ini selari dengan konsep ' <i>Family That Stays Together, Plays Together</i> '.	Lebih ramai keluarga yang dapat mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat dengan melakukan pelbagai aktiviti sukan dan kecergasan bersama-sama.	<ul style="list-style-type: none"> JBSN KPWKM KKM KPM KPT NGO
		4.1.7 Program Sukan Luar Bandar	Program yang melibatkan wanita dari pelbagai peringkat umur di kawasan luar bandar. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan seperti bola jaring, futsal, sukan tradisional dan aktiviti kecergasan.	Lebih ramai wanita luar bandar berpeluang untuk menyertai aktiviti sukan.	<ul style="list-style-type: none"> Sektor Awam Sektor Swasta
		4.1.8 Program Gaya Hidup Sihat	Program menggalakkan amalan gaya hidup sihat untuk mengurangkan berat badan dalam kalangan wanita.	Lebih ramai wanita berjaya mengawal berat badan dan mengamalkan gaya hidup sihat.	<ul style="list-style-type: none"> JBSN KPWKM KKM KPM KPT NGO
4.2	Mempromosikan aktiviti sukan bukan <i>mainstream</i> .	4.2.1 Program Sukan Rekreasi dan Sukan Ekstrem	Program berbentuk pertandingan yang berkonsepkan larian lasak, <i>obstacle challenge, mini marathon</i> atau <i>eco-challenge (off-road)</i> dan aktiviti riadah yang memberi tumpuan kepada pendedahan kepada aktiviti rekreasi luar dan sukan lasak di samping meneroka keindahan alam semula jadi di kawasan-kawasan terpilih.	<ol style="list-style-type: none"> Lebih ramai penyertaan wanita dalam aktiviti sukan ekstrem. Lebih ramai belia wanita didedahkan dengan aktiviti rekreasi luar yang berasaskan alam semula jadi. 	<ul style="list-style-type: none"> JBSN KDN KPKT KPLB NGO

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 4: Meningkatkan penyertaan dan penglibatan wanita dalam sukan					
		4.2.2 Pembudayaan Sukan Tradisional	Program yang mempromosikan sukan tradisional dalam kalangan wanita seperti congkak, tarik tali, batu seremban, galah panjang, sepak raga, kabaddi, tarian singa, dan lain-lain.	Lebih ramai wanita didedahkan dengan pelbagai jenis sukan tradisional dan terlibat dalam aktiviti gaya hidup sihat.	<ul style="list-style-type: none"> JBSN KPWKM KKM KPM KPT NGO
OBJEKTIF 5: Mencungkil bakat baharu					
5.1	Menyediakan platform penyertaan dan pencarian bakat untuk diketengahkan.	5.1.1 <i>Women Sports Challenge</i>	Program berbentuk pertandingan yang melibatkan acara-acara sukan terpilih bermatlamat memberi ruang dan peluang kepada wanita untuk terlibat dalam sukan secara kompetitif.	Lebih banyak bakat baru dalam sukan-sukan pilihan dapat dicungkil.	<ul style="list-style-type: none"> JBSN KPWKM KPM KPT KPLB KPKT NGO KDN
		5.1.2 Program Pembangunan Bakat Akar Umbi	Merupakan program asas/ pengenalan bagi sukan-sukan teras yang melibatkan pengajaran teknik kemahiran asas, pendedahan sistem permainan yang betul di samping menanam minat menceburi bidang sukan teras.	Lebih banyak pelapis atlet berprestasi tinggi dilahirkan.	<ul style="list-style-type: none"> JBSN KPM KPT
		5.1.3 Program Pembangunan Sukan Elektronik Wanita	Program pembangunan bakat wanita dalam sukan elektronik.	Lebih banyak bakat baru dalam sukan-sukan elektronik dapat dilahirkan.	<ul style="list-style-type: none"> JBSN ESM ESI

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

TERAS
4

Inisiatif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat melalui penyelidikan dan pengumpulan data mengenai wanita dalam sukan.

Tidak banyak kajian yang memfokuskan kepada isu dan cabaran berkaitan penglibatan wanita dalam sukan di Malaysia. Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk kajian berkaitan wanita dalam sukan dilaksanakan bagi meneroka peluang dan cabaran untuk meningkatkan serta memperkasa penglibatan wanita. Kajian komprehensif wanita dalam sukan yang dicadangkan adalah meliputi aspek kepimpinan dan tadbir urus, pembangunan bakat, pembangunan atlet berprestasi tinggi dan penyertaan sukan untuk semua.

Penyebarluasan hasil kajian kepada masyarakat akan turut menjadi keutamaan di bawah teras ini melalui penerbitan buletin berkaitan wanita dalam sukan bagi meningkatkan kesedaran mengenai

amalan bersukan dalam kalangan wanita selain daripada mempromosikan penglibatan wanita dalam sukan di Malaysia.

Penganjuran Persidangan Wanita Dalam Sukan di peringkat antarabangsa merupakan antara inisiatif utama yang akan digerakkan bagi membincangkan isu yang berkait rapat dengan wanita. Percambahan fikiran dalam kalangan penggubal dasar, ahli akademik, penyelidik, pelajar, penggiat sukan, pihak swasta, badan bukan kerajaan serta pihak-pihak lain yang berkaitan berupaya menyumbang kepada pembentukan dasar wanita yang lebih komprehensif dan menyeluruh.

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 6: Meningkatkan sumber rujukan berkaitan wanita dalam sukan					
6.1	Melaksanakan kajian berimpak berkaitan penglibatan wanita dalam sukan.	6.1.1 Kajian Komprehensif	Pelaksanaan kajian komprehensif yang meliputi kajian impak.	Hasil kajian yang menjadi rujukan bagi pembentukan polisi dan pelaksanaan program berkaitan pemeraksanaan wanita dalam sukan.	<ul style="list-style-type: none"> • IYRES • ISN • KPM • Institusi Penyelidikan Awam dan Swasta
		6.1.2 Insentif Penyelidikan	Pemberian anugerah dan pengiktirafan kepada penyelidik atau penyelidikan terbaik.	Melahirkan sekumpulan penyelidik yang berwibawa.	<ul style="list-style-type: none"> • IYRES • ISN
6.2	Menggalakkan penyebaran hasil kajian penglibatan wanita dalam sukan di pelbagai peringkat.	6.2.1 Persidangan Antarabangsa	Pembentangan kertas kerja bagi membincangkan isu yang berkaitan penglibatan wanita dalam sukan.	Penyebarluasan hasil kajian di peringkat antarabangsa.	<ul style="list-style-type: none"> • IYRES • ISN • KPM • Institusi Penyelidikan Awam dan Swasta
		6.2.2 Penerbitan Buletin Berkala	Perkongsian maklumat dan isu semasa berkaitan wanita dalam sukan.	Penyebarluasan maklumat kepada masyarakat secara berterusan.	<ul style="list-style-type: none"> • IYRES • ISN


BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 6: Meningkatkan sumber rujukan berkaitan wanita dalam sukan					
6.3	Mewujudkan pangkalan data wanita dalam sukan.	6.3.1 Pengumpulan data daripada semua agensi, badan bukan kerajaan dan pengamal industri	Satu pusat pengumpulan data yang menjadi rujukan semua pihak.	Hasil kajian yang menjadi rujukan bagi pembentukan polisi dan pelaksanaan program berkaitan pemerksaan wanita dalam sukan.	<ul style="list-style-type: none"> • IYRES • ISN • MSN • KPWKM • KPM • KPT • Institusi Penyelidikan Awam dan Swasta
		6.3.2 Penyediaan ciri tambahan dalam sistem pengurusan maklumat sedia ada	Naik taraf sistem pengurusan maklumat sedia ada.	Sistem pengurusan maklumat sukan yang mudah dicapai oleh semua pemegang taruh.	<ul style="list-style-type: none"> • IYRES • ISN
		6.3.3 Pangkalan Data Fasiliti Sukan	Sistem pangkalan data yang mengumpul maklumat dan informasi mengenai fasiliti dan kemudahan sukan.	Pengurusan maklumat dan informasi berkaitan fasiliti dan kemudahan sukan yang lebih sistematik dan berkesan.	<ul style="list-style-type: none"> • KBS • MSN • JBSN • KPM • KPT • MS Negeri • Persatuan Sukan Negeri/ Kebangsaan • PBT

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 7: Mengintegrasikan teknologi dan inovasi berkaitan wanita dalam sukan					
7.1	Menggalakkan golongan wanita melibatkan diri dalam pembangunan teknologi dan inovasi berkaitan sukan.	7.1.1 Pertandingan Teknologi dan Inovasi Peringkat Kebangsaan	Pusat pengumpulan data yang menjadi rujukan semua pihak.	Melahirkan lebih ramai pereka cipta wanita dalam bidang sukan.	<ul style="list-style-type: none"> • ISN



PROMOSI DAN ADVOKASI

TERAS
5



Inisiatif untuk mempromosikan wanita dalam sukan melalui media cetak dan elektronik secara lebih berkesan.

Wanita perlu berdepan dengan pelbagai cabaran dan halangan untuk terlibat aktif dalam sukan terutama isu-isu stereotaip dan persepsi masyarakat yang mana wanita memainkan peranan utama menguruskan hal ehwal rumah tangga.

Teras advokasi dan promosi memberi fokus kepada inisiatif-inisiatif untuk mengubah persepsi dalam menangani ketidakseimbangan yang dialami oleh golongan wanita dalam sukan. Aktiviti-aktiviti promosi tidak hanya disasarkan kepada wanita, tetapi akan turut disasarkan kepada lelaki bagi mengubah mentaliti dan pandangan lelaki terhadap penglibatan wanita dalam sukan. Ini adalah bertujuan untuk mendidik rakyat Malaysia

mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita di samping menyediakan peluang dan ruang yang sama rata kepada golongan wanita untuk terlibat sama dalam pembangunan sukan.

Strategi utama yang digariskan merangkumi aktiviti promosi melalui siaran televisyen, media cetak dan elektronik serta pewujudan bahan-bahan promosi seperti poster, logo dan video berkaitan wanita dalam sukan. Sasaran strategi ini adalah menarik minat wanita untuk terlibat lebih aktif dalam sukan, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penglibatan wanita dalam sukan dan menyerlahkan potensi wanita dalam pelbagai bidang sukan yang mereka ceburi.

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 8: Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai wanita dalam sukan					
8.1	Memperkenalkan slot sukan untuk wanita di televisyen.	8.1.1 Slot Khas – Wanita Dalam Sukan	Slot wanita dalam sukan di rancangan televisyen terpilih yang memaparkan ikon-ikon wanita dalam sukan.	Memberi inspirasi kepada golongan wanita melalui pengkongsian pengalaman.	• KBS • Saluran TV
		8.1.2 Slot Dalam Pelbagai Rancangan Televisyen	Mempromosi dan membincangkan hal-hal berkaitan dengan wanita dalam sukan.	Lebih ramai wanita tertarik untuk melibatkan diri dalam sukan.	• KBS • Saluran TV
8.2	Meningkatkan bahan promosi wanita dalam sukan.	8.2.1 Poster Wanita Dalam Sukan	Mempromosikan poster Wanita Dalam Sukan di papan iklan atau <i>billboard</i> di seluruh Malaysia.	Meningkatkan kesedaran serta penglibatan wanita dalam sukan.	• KBS
		8.2.2 Video Wanita Dalam Sukan	Menguar-uarkan pencapaian dan pengorbanan atlet serta ahli profesional sukan wanita.	Mencabar stereotaip atlet wanita serta normalisasikan wanita dalam sukan.	• KBS
		8.2.3 Logo Wanita Dalam Sukan	Memperkenalkan logo Wanita Dalam Sukan sebagai identiti bagi menarik minat wanita.	Strategi penjenamaan wanita dalam sukan.	• KBS

BIL.	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	DESKRIPSI PROGRAM	SASARAN KEBERHASILAN	AGENSI PELAKSANA/ RAKAN STRATEGIK
OBJEKTIF 8: Meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai wanita dalam sukan					
8.3	Memperbanyakkan aktiviti promosi.	8.3.1 Promosi melalui media sosial alternatif	Hebahan mengenai program, aktiviti dan pencapaian wanita dalam sukan.	Menyerlahkan penglibatan & pencapaian wanita.	• KBS
		8.3.2 Media Boost	Media posts boosting berkaitan wanita dalam sukan supaya mencapai lebih ramai pengguna di media sosial.	Lebih banyak aktiviti wanita dalam sukan dapat dipromosikan secara berkesan.	• KBS
		8.3.3 Promosi melalui 'Influencers'	Promosi melalui influencers supaya mencapai lebih ramai pengguna di media sosial.	Lebih banyak aktiviti wanita dalam sukan dapat dipromosikan secara berkesan.	• KBS
		8.3.4 Jelajah Ikon Sukan	Program untuk menarik minat golongan remaja melibatkan diri dalam sukan.	Kesedaran untuk terlibat dalam sukan di kalangan remaja wanita.	• MSN • KBS • KPKT • KPM • MS Negeri



KESIMPULAN



Hala tuju pembangunan sukan di Malaysia memerlukan satu perubahan yang lebih seimbang dalam memastikan persekitarannya bebas daripada sebarang diskriminasi ke atas jantina. Perubahan ini boleh dicapai melalui pembentukan sebuah ekosistem sukan yang selamat dan kondusif dalam menggalakkan lebih ramai wanita terlibat secara aktif dalam pembangunan sukan negara serta pelaksanaan program-program yang memberi lebih banyak peluang kepada penyertaan dan penglibatan wanita secara menyeluruh.

Objektif, strategi dan inisiatif yang digariskan di bawah pelan tindakan ini akan berupaya mewujudkan ekosistem sukan yang menyokong penglibatan dan penyertaan wanita di pelbagai peringkat. Bakat dan potensi wanita dalam sukan sememangnya perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang sentiasa komited dalam membangunkan serta mengetengahkan peranan wanita dalam pembangunan sukan negara.

Kejayaan pelan tindakan ini memerlukan sokongan, komitmen dan kerjasama yang erat antara semua pihak berkepentingan. Usaha secara bersama antara agensi kerajaan, badan sukan, badan bukan kerajaan, pihak swasta serta orang perseorangan adalah amat kritikal dalam sama-sama memastikan semua inisiatif yang dirancang dapat direalisasikan dengan jayanya.

SINGKATAN

KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
MSN	Majlis Sukan Negara
ISN	Institut Sukan Negara
PIS	Pejabat Pesuruhjaya Sukan
i-LEAD	Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan
JBSN	Jabatan Belia dan Sukan Negara
IYRES	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
MOM	Majlis Olimpik Malaysia
MPM	Majlis Paralimpik Malaysia
ESM	Esports Malaysia
ESI	Esports Integrated
MS Negeri	Majlis Sukan Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan

SUMBER RUJUKAN

Department of Justice, United States of America. (2015). Title IX – Education Amendments 1972 United States of America.

Dipetik dari <https://www.justice.gov/crt/title-ix-education-amendments-1972>.

International Olympic Committee (IOC). (2020). Olympic Charter.

Dipetik dari <https://olympics.com/ioc/olympic-charter>

International Working Group on Women and Sports. (2014). Brighton Plus Helsinki 2014 Declaration on Women and Sport.

Dipetik dari <https://iwgwomenandsport.org/brighton-declaration>

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). (2021). Terms of Reference ASEAN Ministerial Meeting on Sports.

Dipetik dari <https://asean.org/wp-content/uploads/2021/08/Terms-of-Reference-ASEAN-Ministerial-Meeting-on-Sports-AMMS.pdf>

United Nations Office on Sport for Development and Peace (UNESCO). (2015). Sport and the Sustainable Development Goals : An Overview outlining the contribution of sports to the SDGs.

Dipetik dari <https://www.un.org/en/chronicle/article/role-sport-achieving-sustainable-development-goals>

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (IYRES). (2020). Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia 2020. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Jabatan Perdana Menteri. (2021) Rancangan Malaysia Ke Dua Belas 2021-2025 (RMKe-12) Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Perdana Menteri. (2006) Rancangan Malaysia Ke Enam 1991-1995 (RMKe-6) Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Perdana Menteri. (2019). Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Kementerian Belia dan Sukan. (2009). Dasar Sukan Negara 2009. Putrajaya: Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Belia dan Sukan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2009). Dasar Wanita Negara 2009. Putrajaya: Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS

Menara KBS, 27, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62570 Putrajaya

www.kbs.gov.my

    [KBSMALAYSIA](https://www.facebook.com/KBSMALAYSIA)

ISBN 978-967-15698-7-3



9 789671 569873

